

Mustapa: Umno Kelantan sudah ada bayangan awal calon PRU-13
The Malaysian Insider
10 Disember, 2011

TUMPAT, 10 Dis — Umno Kelantan kini telah menyediakan senarai awal nama calon yang akan dikemukakan kepada ibu pejabat parti untuk dipertimbangkan bagi mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata antara yang akan dicalonkan adalah beberapa nama mereka yang pernah bertanding pada pilihan raya umum lalu dan masih diterima rakyat.

“Sekarang masih di peringkat perbincangan dengan semua bahagian di Kelantan dan ketika ini bayangan awal calon itu sudah ada dan akan dimuktamadkan sebelum penghujung bulan depan untuk dihantar kepada ibu pejabat parti.

“Calon yang akan dikemukakan merupakan mereka yang diterima rakyat yang mempunyai pelbagai latar belakang antara gabungan muka lama dan baru yang mampu membawa Kelantan ke era yang lebih gemilang jika diberi kepercayaan oleh rakyat,” katanya dipetik Bernama Online.

Mustapa (gambar) ditemui pemberita selepas melawat beberapa buah sekolah di sini hari ini yang dijadikan pusat pengagihan Borang Permohonan Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, antara calon itu adalah merupakan ulama dan golongan muda yang mampu memberi cabaran kepada PAS.

“Calon ini sudah pasti boleh diterima bukan sahaja kepada anggota Umno tetapi juga kepada penyokong PAS yang merupakan individu mesra rakyat sebelum ini,” katanya.

Beliau meminta budaya sabotaj atau ‘cah keting’ sama sekali tidak berlaku pada pilihan raya kali ini dan yakin semua anggota Umno kini matang untuk berpolitik dan menerima siapa sahaja calon yang dipilih.

Mustapa juga meminta jentera penerangan Umno Kelantan agar lebih agresif memberikan penerangan mengenai isu terkini kepada penduduk negeri ini yang kurang mendapat gambaran sebenar mengenai isu itu.

“Jentera penerangan jangan leka dan perlu segera memberikan penjelasan terutama yang membabitkan isu yang jika tidak diperbetulkan akan mengundang perspektif tidak baik kepada parti,” katanya.

Beliau juga membidas kerajaan Kelantan pimpinan PAS yang hanya mampu membina sebuah masjid sejak memerintah lebih 20 tahun.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mustapa-umno-kelantan-sudah-ada-bayangan-awal-calon-pru-13/>